



LAPORAN TAHUNAN 2019

الإنستيتوت فتحا جبر الإسلام دعو لا ميان

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2019

إِنْسْتِثْنَوَاتُ فَتَحَاتِ اِسْلَامِ اَزْدَا اَعْلَامِيَا

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





KANDUNGAN

MS

4

PERUTUSAN
PENGARAH JAKIM

5

PERUTUSAN
PENGARAH IPDAS

6-8

LATAR BELAKANG
IPDAS

9

VISI, MISI

10-11

AHLI-AHLI LEMBAGA
IPDAS

12-13

JAWATANKUASA
PENASIHAT AKADEMIK

14-15

PEGAWAI KANAN
IPDAS

16-65

AKTIVITI SEPANJANG
TAHUN 2019

66-69

LAPORAN PRESTASI
TAHUN 2019

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JAKIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dan syabas serta tahniah diucapkan kepada seluruh warga Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS) kerana telah berjaya melaksanakan agenda tahun 2019 sebagaimana yang telah didokumentasikan dalam Laporan Tahunan IPDAS 2019 julung kalinya ini. Tahun 2019 kita telah menyaksikan IPDAS dalam menjayakan program dan aktiviti yang dirancang dan mengorak langkah untuk mencapai Misi dan Visi. IPDAS juga telah melakukan beberapa penambahbaikan sejajar dengan dunia digital yang serba pantas. Pencapaian-pencapaian yang telah dilakukan menunjukkan kerjasama yang erat dan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan warga IPDAS dalam penyampaian perkhidmatannya bahkan aktiviti sosial. Akhir kata, harapan saya agar IPDAS akan terus cemerlang dan dapat melonjakkan imej organisasi ke arah pembentukan dan pembangunan modal insan yang merupakan teras kepada kejayaan negara ini.



PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya maka dapatlah IPDAS melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2019. Program dan aktiviti yang dijalankan adalah ke arah membantu meningkatkan ilmu dan kemahiran modal insan supaya terus melonjak maju ke hadapan. Pelbagai usaha dan pendekatan pembangunan dijalankan oleh IPDAS untuk membantu melonjakkan nama IPDAS di Malaysia. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terutama Anggota Lembaga IPDAS, pihak pengurusan tertinggi dan warga kerja IPDAS di atas segala komitmen dan dedikasi yang telah diberikan dalam merencana dan memajukan IPDAS sebagai organisasi yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan institusi lain.





LATAR BELAKANG





LATAR BELAKANG

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) atau dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) telah dibangunkan pada 10 Oktober 1979 dan ia dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Oleh itu, Umur IPDAS pada hari ini 40 tahun dan telah melahirkan graduan seramai 9148 orang.

Penubuhan PLDK adalah pada era Kerajaan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) tahun 1976-1985 yang menerajui pemerintahan negeri Sabah. Pada ketika itu, terdapat ramai penduduk Sabah yang telah memeluk agama Islam, tetapi kurangnya tindakan susulan untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada golongan muallaf. Sehubungan dengan itu juga, tujuan utama pusat ini dibangunkan adalah untuk memberi bimbingan agama kepada golongan tersebut.

Pada 1 Januari 1984, Pusat-pusat Latihan Dakwah Keningau, Sikuati dan Tongod telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Harris Mohd. Salleh menyerahkan Pusat-pusat Latihan Dakwah ini kepada YAB Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri dan diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) yang kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

PLDK pada awalnya menawarkan pendidikan agama Islam secara intensif selama enam (6) bulan kepada saudara-saudara baru untuk mengenal Islam sebagai satu cara hidup. Walau bagaimanapun, pada tahun 1993, berlaku rombakan proses pengajian di mana tempoh enam (6) bulan pengajian dipanjangkan kepada satu

Selama 40 tahun IPDAS berbakti kepada Kerajaan Sabah, ia telah Berjaya melahirkan graduan seramai 9148 orang. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat graduan IPDAS telah memenuhi keperluan guna tenaga manusia dalam bidang pendidikan dan dakwah seperti Penyelia KAFA, Guru KAFA, Penggerak Dakwah Masyarakat, Imam, Guru Takmir dan Guru Agama di Madrasah-madrasah dan Maahad Tahfiz di seluruh Sabah. Selain itu, terdapat juga di kalangan graduan yang menjadi usahawan dan peniaga. Uniknyanya mereka masih berpegang teguh dengan amal Islami yang diterapkan di IPDAS. Impak dari perkembangan ini, jumlah penganut Islam di Sabah telah meningkat kepada 65 peratus dan kualiti penghayatan Islam di kalangan orang Islam juga meningkat.





VISI

**PENERAJU PENDIDIKAN TINGGI ISLAM YANG BERSEPADU DI SABAH
BAGI MENJANA KECEMERLANGAN GENERASI RABBANI UNTUK
KESEJAHTERAAN UMMAH SEJAGAT.**

MISI

**MENYEDIAKAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI ISLAM YANG BERSEPADU
MERANGKUMI ILMU NAQLI DAN AQLI SERTA KEMAHIRAN DAN
KEUSAHAWANAN UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN BERIMPAK TINGGI.**



AHLI LEMBAGA IPDAS



AHLI LEMBAGA

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)

YBHG.DATUK HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Pengerusi Lembaga)	
YBHG. DATO' PAIMUZI BIN YAHYA Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	
YBHG. DATUK SERI PANGLIMA DR. HAJI HASBULLAH HAJI MOHD TAHA Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	YBHG. DATO' HAJI RAZALI BIN SAHABUDIN Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Profesional Baitulmal (Ahli Profesional)
YBHG. DATO' SAMSUNI BIN MOHD NOR Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah	DATUK HAJI SAIRIN BIN HAJI KARNO Yang Di-pertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) (Ahli Profesional)
YBHG. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Sabah	YBHG. PROF. DATIN DR.RAIHANAH BINTI HAJI ABDULLAH Pengarah Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya
YBHG. USTAZ HAJI SAIFUL ZAMAN BIN SANGUL Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah	YBHG. MISTIRINE BINTI RADIN Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
YBHG. PROF. DATO' DR. ISMAIL ALI Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sabah	ENCIK RAMZI BIN OSMAN Penasihat Undang-Undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
YBHG. TUAN HAJI NORJELI BIN HAJI DAIS Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Sabah	ENCIK HALIM BIN AHMAD Pengarah Kanan Bahagian Dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
YBHG. PROF. MADYA DATUK DR. HAJI ABDUL KADIR HAJI ROSLINE Rektor Universiti Teknologi MARA (UITM) Sabah	ENCIK MOHAMAD ZAMRI BIN MOHAMED SHAPIK Pengarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (Setiausaha)



JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK IPDAS



JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)

YBHG. DATO' PAIMUZI BIN YAHYA

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

ENCIK MOHAMAD ZAMRI BIN MOHAMED SHAPIK

Pengarah
Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
(Seliausaha)

ENCIK HALIM BIN AHMAD

Pengarah Kanan Bahagian Dasar
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

DR. ROSMAWATI MOHAMAD RASIT

Pengerusi
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ENCIK MOHD AZMI BIN PELAH

Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah
Sabah

PROF. MADYA DR. RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT

Pensyarah
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

TUAN HAJI NICHOLAS SYLVESTER

Pengerusi
Hidayah Centre Foundation

DR. MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH

Pensyarah
Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ENCIK JUHILIN @ LOSUYUN TAKUN

Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau

PROF. MADYA DR. JASMAN HAJI JAAFAR

Timbalan Pengarah Hal Ehwal
Akademik
Universiti Teknologi MARA (UITM)
Cawangan Sabah



PEGAWAI KANAN IPDAS





PEGAWAI KANAN IPDAS



إِنسِيَتِيوت قَعَا حِيَت سِيَا هِرَا زِدْعُو لَمِيَا

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019



PERAKUAN AKRED

MALAYSIA DENGAN INTI SEMPURNAKUR

Malaysia Dakwah International

yang BERKUALITI OLEH

Malaysia Dakwah International (MDI)

MAKABET

Man Sabah, KM 6, Jati

No. 12

Sabah

17 JAN 2019

MAI



TAKLIMAT HALA TUJU DAN PELAN STRATEGIK IPDAS

2 Jan 2019 (Rabu) - IPDAS melakar sejarahnya sendiri apabila semua pegawai, pensyarah dan kakitangan termasuk dari IPDAS cawangan kudat (PLD KUDAT) kesemuanya berbincang bersatu hati untuk memacu hala tuju dan menyusun strategi baharu atas tujuan dakwah yang sama menerajui pengajian tinggi Islam di bumi Sabah yang tercinta ini.



Gambar ketika perbincangan hala tuju dan pelan strategik baharu IPDAS berlangsung



SELAMAT DATANG MAHASISWA BAHARU IPDAS

8 Jan 2019 (Selasa)- IPDAS meriah menyambut kehadiran pendaftaran para pelajar Sijil Pengajian Islam (SPI) baharu yang datang dari segenap pelusuk daerah di Negeri Sabah. Kehadiran para pelajar yang diiringi ahli keluarga memberikan suasana silaturrahi yang sangat meriah .



MAJLIS PENAMAAN CALON MAJLIS PERWAKILAN PELATIH (MPP)

11 Feb 2019 (Isnin) - Seramai 42 orang calon Majlis Penamaan Calon Majlis Perwakilan Pelatih (MPP) sesi 2019 Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Cawangan Kudat MPP bakal bertanding untuk mengisi 14 kerusi jawatan MPP IPDAS Kudat dalam Pilihanraya Kampus yang dijadualkan pada 14 Feb 2019 (Khamis). Majlis ini juga telah dihadiri oleh kakitangan IPDAS bagi memberi sokongan padu kepada pelajar yang bertanding.



Gambar ketika sesi pemilihan calon



Gambar pelajar IPDAS ketika Majlis penamaan calon MPP berlangsung.

BENGKEL SEMAKAN PERATURAN IPDAS

19 - 21 Feb 2019 (Selasa - Khamis) – Bengkel semakan peraturan IPDAS telah diadakan. Bengkel ini dipengerusikan oleh Pengarah IPDAS, Ybhg. Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik dan berlangsung selama 3 hari berturut-turut di IPDAS Keningau. Bengkel ini diadakan bagi menyemak semula peraturan IPDAS.



Majlis Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar IPDAS Cawangan Kudat 2019

01 Mac 2019 (Jumaat) - Majlis ini diadakan setahun sekali sahaja dan bertempat di dewan Serbaguna, IPDAS Cawangan Kudat. Majlis pelantikan MPP ini bertujuan untuk meraikan barisan kepimpinan baharu Majlis Perwakilan Pelajar IPDAS Cawangan Kudat

Majlis Perwakilan Pelajar ditubuhkan dapat membangunkan personaliti dan idea seorang pemimpin dalam kalangan pelajar. MPP yang dibentuk ini melalui pembelajaran, pengurusan, kepimpinan, pelaksanaan aktiviti, etika majlis, dan motivasi bagi membolehkan mereka mempunyai



PROGRAM TAMREEN DAIE NUSANTARA 1.0 INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH IPDAS

Program Tamreen Daie Nusantara 1.0 dihadiri seramai 31 orang terdiri dari pensyarah IPDAS Keningau dan Kudat yang diadakan di ILIM Kundasang pada 04-07 Mac 2019. Pengarah IPDAS, Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik turut hadir dan merasmikan program ini.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada semua pensyarah dan kakitangan berinteraksi diantara satu sama lain, disamping membina keseimbangan intelek, jasmani, emosi dan rohani semasa program dijalankan. Selain itu, melalui program yang diadakan ini juga ianya mampu menambahkan pengalaman serta membina keyakinan diri setiap pensyarah dan kakitangan.

Program ini telah dikendalikan oleh fasilitator yang bertauliah iaitu En.Mahadi Bin Mohd Ismail yang mempunyai Ijazah Sarjana (*masters*) dalam *Land Resources Management* dari Universiti Putra Malaysia (UPM) manakala En.Hendri bin Hamsah mempunyai diploma dalam *Electrical Engineering Mechatronic* dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kedua penceramah adalah jurulatih Daei Murobbi dan Akademi Daei & Dakwah Malaysia (ADDAM).



Sesi bergambar para peserta Tamreen Daie Nusantara 1.0.

PROGRAM TAMREEN DAIE NUSANTARA 1.0 INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH IPDAS

Program Tamreen Daie Nusantara 1.0 dihadiri seramai 31 orang terdiri dari pensyarah IPDAS Keningau dan Kudat yang diadakan di ILIM Kundasang pada 04-07 Mac 2019. Pengarah IPDAS, Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik turut hadir dan merasmikan program ini.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada semua pensyarah dan kakitangan berinteraksi diantara satu sama lain, disamping membina keseimbangan intelek, jasmani, emosi dan rohani semasa program dijalankan. Selain itu, melalui program yang diadakan ini juga ianya mampu menambahkan pengalaman serta membina keyakinan diri setiap pensyarah dan kakitangan.

Program ini telah dikendalikan oleh fasilitator yang bertauliah iaitu En.Mahadi Bin Mohd Ismail yang mempunyai Ijazah Sarjana (*masters*) dalam *Land Resources Management* dari Universiti Putra Malaysia (UPM) manakala En.Hendri bin Hamsah mempunyai diploma dalam *Electrical Engineering Mechatronic* dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kedua penceramah adalah jurulatih Daei Murobbi dan Akademi Daei & Dakwah Malaysia (ADDAM).



Sesi bergambar para peserta Tamreen Daie Nusantara 1.0.

BENGKEL PENULISAN ARTIKEL JURNAL

Bengkel Penulisan Artikel Jurnal ini merupakan latihan asas dan panduan kepada semua pensyarah untuk menceburkan diri dalam penulisan jurnal dan artikel, di samping memenuhi sasaran kerja tahunan setiap pensyarah iaitu menghasilkan sebuah artikel atau jurnal dalam tempoh setahun. Bengkel ini telah diadakan pada 11 – 12 Mac 2019 bertempat di bilik mesyuarat IPDAS yang telah disertai seramai 25 orang pensyarah.

Hasil dari bengkel penulisan ini, setiap peserta dapat mempelajari format dan cara menulis Artikel Jurnal seperti Abstrak, Pendahuluan, Latar Belakang Permasalahan, Metodologi, Hasil Kajian, dan Kesimpulan. Meskipun ramai pensyarah tidak mempunyai pengalaman menulis dalam tesis atau *Final Year Project* mereka tetap berusaha dengan sebaik mungkin.



Sesi bergambar para peserta Bengkel Penulisan Artikel Jurnal



Ucapan pembukaan yang disampaikan oleh Pengarah IPDAS.

MESYUARAT **JAWATANKUASA PENASIHAT** **AKADEMIK IPDAS KALI KE 3**

12 Mac 2019 mesyuarat Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa kedua tertinggi selepas Lembaga IPDAS. Sebanyak 13 Kertas Cadangan dan 1 Kertas Makluman telah dibentangkan untuk perakuan ahli mesyuarat.

Turut hadir Dato' Paimuzi bin Yahya, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM dan semua ahli Mesyuarat untuk memberikan pandangan dan



PROGRAM ENGLISH DAY DAN YAUMUL LUGHATUL ARABIYYAH

Jabatan Bahasa, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) telah mengadakan program **English Day dan Yaumul Lughatul Arabiyyah** bermula pada 20 dan 22 Mac 2019 yang berlangsung di sekitar IPDAS.

Objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan dan membudayakan bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam kalangan warga IPDAS. Dan ianya dianjurkan adalah untuk setiap warga IPDAS berkomunikasi dalam bahasa Inggeris pada hari Rabu dan bahasa Arab pada hari Jumaat. Pada hari tersebut, Speakers' Corner diadakan yang mana ianya membuka ruang bagi para pelajar dan pensyarah untuk bertutur dalam bahasa English dan Arab mengenai topik pilihan mereka.

Program ini mendapat sambutan yang baik daripada kalangan pelajar mahupun pensyarah dan dilaksanakan



PROGRAM SOLIDARITI AL-AQSA

04 April 2019 IPDAS Cawangan Kudat mengadakan program Solidariti Al-Aqsa bertempat Surau al-Hidayah selama sehari yang dihadiri seramai 200 orang peserta.

Program ini adalah untuk merencana tindakan dan memupuk kesedaran serta kebangkitan umat Islam seluruh dunia memperjuangkan nasib al-Aqsa.

Warga IPDAS megarapkan agar setiap orang menunjukkan tanda prihatin dan sama-sama bermunajat kepada Allah SWT memohon kemenangan buat Umat Islam Palestin.



ISLAMIC ADVENTURE CAMP2019

5-7 April 2019, IPDAS Keningau dengan kerjasama pasukan pengakap kelana A Keningau bekerjasama dalam menjayakan program "Islamic Adventure Camp2019"

Program ini dijalankan selama 3 hari yang mana ianya juga disertai oleh pelajar IPDAS Keningau. Antara program yang menarik semasa program berlangsung ialah Tekno Dai'e, Explore Race, Treasurehunt, Halangan Komando, Solo Camp dan juga Ikhtiar hidup.

Program sedemikian diharapkan akan diadakan lagi pada tahun-tahun yang mendatang, kerana dengan adanya program ini ianya dapat membuatkan para pelajar mampu berdikari.



MESYUARAT LEMBAGA IPDAS

22 April 2019 Mesyuarat Lembaga Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Kali Ke-2 Tahun 2019 telah diadakan di Tabung Haji Hotel Kota Kinabalu, Sabah.

Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga IPDAS yang terdiri daripada Ketua-ketua pelbagai jabatan. Lembaga IPDAS merupakan entiti tertinggi di peringkat IPDAS, di mana ia dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah untuk meluluskan dasar dan hala tuju kemajuan IPDAS dari aspek pembangunan, governan, sumber manusia, kewangan, akademik dan sebagainya.

Semoga kerjasama yang dijalinan di antara ahli-ahli lembaga dalam merealisasikan cita-cita dan visi misi IPDAS tercapai.



PROGRAM LENSA THAQOFI PELAJAR SIJIL PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH KE TOKONG TAI PAK KUNG KENINGAU

Jabatan Aqidah IPDAS telah menganjurkan satu program di bawah kursus Perbandingan Agama iaitu **Program Lensa Thaqofi**. Program ini merupakan program ziarah ke Pusat-Pusat Ibadah yang terdapat di negeri Sabah bagi mengenali ritual agama lain secara dekat.

Program yang julung kalinya diadakan ini mensasarkan Pusat Ibadah bagi agama Tao sebagai tempat pertama untuk dilawati. Program Lensa Thaqofi telah diadakan pada 29 April 2019 yang disertai seramai 54 orang pelajar semester tiga Sijil Pengajian Islam Dan Dakwah (SAPID) bersama empat orang pensyarah.

Objektif utama program ini adalah untuk menambahkan kefahaman dan pengalaman mengenai ilmu Perbandingan Agama disamping menjadi tambah nilai kepada pelajar kerana ianya diperolehi secara langsung dari Pusat Ibadah yang mana ia dapat dijadikan sebagai panduan sekiranya mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, program Lensa Thaqofi ini juga dapat menambah keyakinan dan meneguhkan pegangan pelajar terhadap kebenaran ajaran Islam.



Pensyarah, Pelajar-pelajar dan AJK Tokong bergambar dihadapan Tokong Tai Pak Kung



伊斯蘭學院生參觀廟宇

根地咬 伊斯兰研究院 (IPDAS) 的54名学员星期一在4名导师率领下，前往根地咬大伯公庙（顺天宫）进行教育考察及交流，并获根地咬大伯公庙主席冯建信及各理事迎接。大伯公庙在1911年创立，至今已经有108年的历史。图为师生在庙旁欢欣合影。

Printed and Published by Sin Chew Media Corporation Bhd. (98702-V) at Lot 10B, Kota Kinab

Program Lensa Thaqqofi telah diterbitkan di Sin Chew Daily, salah satu surat khabar Cina.



MAJLIS SUNGKAI IPDAS DAN PERPISAHAN PUAN SEPINI BINTI WASILIN

24 Mei 2019 (Khamis) - BAKTI IPDAS telah menganjurkan Majlis Sungkai bersama Ustaz Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik, Pengarah IPDAS serta meraikan Majlis Perpisahan Puan Sepini Binti Wasilin atau panggilan mesranya Kak Asmah.

Setiap pertemuan pasti akan ada perpisahan. Begitulah pepatah yang sering didengar. Kak Asmah akan menamatkan perkhidmatannya pada akhir Jun 2019, namun mulai minggu depan beliau akan bercuti panjang sebelum bersara wajib. IPDAS akan kehilangan seorang yang begitu banyak menabur jasa.

Selama 33 tahun beliau mengerahkan segala tenaga untuk IPDAS tanpa mengenal penat lelah. Beliau adalah tulang belakang Kepada warga IPDAS. Semoga Di manapun keberadaan beliau, kami doakan agar beliau sentiasa dalam lindungan dan Rahmat Allah SWT. Amin Ya Rabbal Alamin.



Gambar ketika Puan Sepini Binti Wasilin memotong kek bersama kakitangan IPDAS

**MAJLIS SUNGKAI IPDAS DAN
PERPISAHAN PUAN SEPINI BINTI
WASILIN**

24 Mei 2019 (Khamis) - BAKTI IPDAS telah menganjurkan Majlis Sungkai bersama Ustaz Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik, Pengarah IPDAS serta meraikan Majlis Perpisahan Puan Sepini Binti Wasilin atau panggilan mesranya Kak Asmah.

Setiap pertemuan pasti akan ada perpisahan. Begitulah pepatah yang sering didengar. Kak Asmah akan menamatkan perkhidmatannya pada akhir Jun 2019, namun mulai minggu depan beliau akan bercuti panjang sebelum bersara wajib. IPDAS akan kehilangan seorang yang begitu banyak menabur jasa.

Selama 33 tahun beliau mengerahkan segala tenaga untuk IPDAS tanpa mengenal penat lelah. Beliau adalah tulang belakang Kepada warga IPDAS. Semoga Di manapun keberadaan beliau, kami doakan agar beliau sentiasa dalam lindungan dan Rahmat Allah SWT. Amin Ya Rabbal Alamin.



Gambar ketika Puan Sepini Binti Wasilin memotong kek bersama kakitangan IPDAS



Gambar ketika Pengarah menyerahkan cenderahati kepada Puan Sepini Binti Wasilin

MAJLIS MINGGU MAHABBAH MAHASISWA IPDAS (MIMI)

Majlis Minggu Mahabbah Mahasiswa IPDAS (MIMI) melibatkan Pelajar baru Diploma Dakwah Islamiyyah bagi sesi 2019/2020. Minggu Mahabbah bermula dari 13 Jun sehingga 16 Jun 2019, seramai 90 orang dan berjalan selama 5 hari dengan pelbagai program antaranya Eksplorasi, khidmat masyarakat Kg. Menawo, got talent, IPDAS bertasbih dan banyak lagi. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal, memberi pemahaman yang tepat mengenai visi, misi dan matlamat IPDAS, serta mengukuhkan hubungan dengan masyarakat setempat Khususnya Kg. Menawo.

Alhamdulillah dan terima kasih diucapkan kepada YB Datuk Haji Uda bin Sulai atas sokongan dan kelapangan masa merasmikan Majlis Penutupan MIMI serta sekalung tahniah diucapkan kepada Cawangan Pendaftar dan Majlis Perwakilan Mahasiswa IPDAS yang bertungkus lumus dalam menjayakan program MIMI. Beliau yang mewakili YB Datuk Haji Aidi bin Moktar juga merakamkan rasa syukur dan terima kasih kepada IPDAS dan JAKIM atas sumbangan bakti dalam bidang pendidikan kepada masyarakat Sabah selama 40 tahun dan menyokong penuh usaha dan berdoa agar hala tuju IPDAS yang direncanakan mencapai matlamat yang di cita-citakan.



Sesi bergambar bersama para pelajar baharu Sijil Pengajian Islam sesi 2019-2020



Aku Janji Ikrar yang dilaungkan oleh pelajar baharu Sijil Pengajian Islam



Ucapan Perasmian daripada Datuk Haji Uda Bin Sulai, Timbalan Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, mewakili Datk Haji Aidi Bin Moktar.

KUNJUNGAN KUIS DAN SIDMA

11 Julai 2019 (khamis) - IPDAS telah dikunjungi oleh beberapa orang Wakil Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Sabah International Dynamic Management College (SIDMA).

Rombongan ini bertujuan untuk mempromosikan dan memberi taklimat ringkas berkaitan program-program pengajian yang ditawarkan kepada Para Kakitangan dan juga Pelajar semester akhir.

Segala kerjasama yang diberikan amatlah pihak kami hargai dan ribuan terima kasih diucapkan atas kesudian berkunjung ke IPDAS.



Sesi bergambar bersama pihak KUIS dan SIDMA



Gambar ketika pihak KUIS dan SIDMA bagi Talk kepada pelajar IPDAS

BENGKEL MS ISO 9001 2015

Pada 16-17 & 23-24 Julai 2019. IPDAS telah mengadakan Bengkel MS ISO 9001 2015. Bengkel ini dilaksanakan berkaitan dengan kesedaran Pelaksanaan Ms ISO 9001 2015 dan Penyediaan Dokumentasi MS ISO 9001.

Pada Bulan Disember pula, Warga IPDAS telah berjaya menganjurkan bengkel Dalam Penyediaan Dokumentasi Ms ISO dengan dibentangkan sebanyak 10 SOP mewakili empat cawangan di IPDAS. MS ISO 9001 2015 adalah Julung-julung kalinya diadakan di IPDAS bertujuan untuk mengukuhkan fungsinya dengan Memenuhi Visi dan Misi IPDAS selaras dengan hasrat Peneraju Pendidikan Tinggi Islam, khususnya di Sabah.

Tujuan bengkel ini diadakan untuk menyelaraskan urusan pekerja dan organisasi mengikut Prosuder Operasi yang sebenar tanpa dibebani dengan kerenah birokrasi. Selain itu juga, MS ISO 9001 2015 juga berperanan untuk menaikkan taraf IPDAS bagi merealisasikan Pusat Pendidikan Tinggi selaras dengan IR4.0 pada masa hadapan dengan melatih kakitangan warga kerja IPDAS mengikut sistem pengurusan yang efisien dan Soft Skill yang memenuhi kehendak pasaran semasa adalah untuk menyelaraskan MS ISO 9001 2015 bagi memenuhi piawaian Kualiti kerja, sejajar dengan kehendak MQA.

Tambahan pula MS ISO 9001 2015 ini penting dilaksanakan untuk kepentingan jangka masa akan datang tanpa dibebani beban kerja, apabila sesuatu dokumen tersebut hilang. Selain itu juga, IPDAS merupakan satu-satunya Institut Dakwah di Sabah yang menawarkan Produk Dakwah yang terlatih dan memenuhi pasaran guna Tenaga di Sabah, seperti Imam, Guru-Guru Kafa, Guru-Guru Takmir dan Pegawai Hal Ehwal Islam Negeri Sabah Serta Persekutuan Malaysia.

Justeru MS ISO 9001 2015 wajar dilaksanakan, agar Hala tuju IPDAS mampu direalisasikan bagi memenuhi konsep Aqli dan Naqli.



BENGKEL PENYEDIAAN ISO 9001:2015 IPDAS

Para peserta Bengkel Penyediaan ISO 9001:2015 IPDAS

"MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN IPDAS GOT TALENT 2019"

IPDAS Got Talent merupakan sebuah program yang memberi peluang kepada siswa dan siswi IPDAS untuk menonjolkan bakat mereka khususnya dalam bidang sukan, kesenian, multimedia, reka cipta dan umpamanya. Pada tahun ini, Program IPDAS Got Talent di bawah kendalian Seksyen Pembangunan Kemahiran Insaniah memilih untuk menjana bakat Siswa / Siswi IPDAS dalam bidang sukan dengan menganjurkan pertandingan Bola jaring, Bola Tampar, Ping Pong, Badminton termasuk Pertandingan Kawasan Angkat. Program ini telah berlangsung selama dua minggu.

Pada 19 Julai 2019, telah berlangsung acara kemuncak bagi program ini iaitu Majlis Perasmian Penutupan Program IPDAS Got Talent yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Matussin Bin Awang Damit, Timbalan Yang dipertua Majlis Ugama Islam Sabah. YBhg. mengucapkan tahniah kepada IPDAS khususnya Cawangan Pendaftar di atas penganjuran program seperti ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada YBhg. atas kesudian menerima jemputan untuk merasmikan penutupan program tersebut.



Majlis bergambar bersama Timbalan YDP MUIS Sabah.



Pengarah IPDAS memberikan cenderahati kepada Timbalan YDP MUIS



Gimik Perasmian Penutupan IPDAS GOT TALENT 2019.

PROGRAM FUNDAMENTALS AND BASICS OF INTERFAITH

Seramai 58 orang pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah semester lima, 50 orang pelajar Sijil Pengajian Islam Dan Dakwah semester empat dan lima orang peserta luar telah menyertai program **Fundamentals And Basics Of Interfaith** ini. Program ini dikendalikan di bawah Jabatan Aqidah dan Jabatan Dakwah, Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS) dan telah diadakan pada 28 dan 29 September 2019 bertempat di Dewan Utama Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS). Objektif utama program ini adalah untuk melatih pelajar teknik berdakwah dengan cara yang berkesan, mengukuhkan asas ilmu Perbandingan Agama dalam kalangan pelajar dan melahirkan rijal al-dakwah yang serba berkemahiran di negeri Sabah.

Program Fundamentals And Basics Of Interfaith ini telah dikendalikan oleh Bro Shah Kirit bin Kakulal Govindji dan Mohd Hanif bin Abdul Jalil daripada Global Unity Network (UNITY). Bro Shah Kirit merupakan penerima Anugerah Dakwah Negara 2015, Anugerah Tokoh Pendakwah Negeri Selangor 2013 dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang dakwah.



Para peserta bergambar untuk sesi penutupan program **Fundamentals And Basics Of Interfaith**.



Sesi penyerahan sijil oleh Timbalan Pengarah Akademik IPDAS, YBrs Dr. Baharudin bin Othman kepada para peserta.



Slot yang dibentangkan oleh Bro Shah Kirit.

**INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH MENDAPAT
PENGIKTIRAFAN AKREDITASI PENUH BAGI PROGRAM DIPLOMA
DAKWAH ISLAMIYAH DARIPADA MALAYSIAN QUALIFICATION
AGENCY (MQA)**

Institut pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) telah menghantar Dokumen MQA beserta silibus Diploma yang telah dimurnikan kepada Bahagian Pembangunan Insan untuk dipanjangkan kepada Agensi Kelayakan Malaysia pada 5 Februari 2015. Ini adalah titik permulaan IPDAS dalam proses mendapatkan Pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Justeru, pada 24 february 2015, IPDAS telah menerima Surat Makluman Permohonan Akreditasi Sementara (MQA.600-2/2/5246 (3) dari Agensi Kelayakan Malaysia. Hasil daripada permohonan tersebut, pada April 2016, Reka bentuk Kurikulum Diploma Dakwah Islamiyyah yang diperakukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia telah digunakan sepenuhnya kepada pelajar baharu kemasukan April 2016.

IPDAS menerima Perakuan Akreditasi Sementara dari Agensi Kelayakan Malaysia bagi Diploma Dakwah Islamiyyah (MQA/PA 7518) pada 15 Mac 2017. Seterusnya hasil daripada pemantauan dan penilaian audit daripada Agensi Kelayakan Malaysia, Institut Pengajian Islam dan dakwah telah menghantar maklumbalas Laporan Penilaian Audit MQA pada 28 Jun 2019.

Pada 1 Oktober 2019, IPDAS telah menerima perakuan akreditasi penuh dalam Majlis perhimpunan Bulanan Jakim. Penyerahan Perakuan Akreditasi Penuh tersebut telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Ketua Pengarah Jakim kepada YBhg Haji Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, pengarah IPDAS.



Majlis penyampaian Sijil Akreditasi Penuh MQA Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah diantara Ketua Pengarah JAKIM bersama Pengarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah



Sijil Perakuan Akreditasi penuh daripada badan pemberi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MAJLIS ISTIADAT DAN KARNIVAL KONVOKESYEN IPDAS KALI KE-14

Majlis Istiadat dan Karnival Konvokesyen IPDAS kali ke 14 telah berjaya dilaksanakan pada 21-24 Ogos 2019. Seramai 52 orang graduan diploma yang berjaya dianugerahi Diploma Dakwah Islamiyyah di samping 178 orang graduan telah berjaya dianugerahi Sijil Pengajian Islam dan Dakwah. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Aidi Bin Moktar, Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Negeri Sabah.

Majlis Konvokesyen IPDAS adalah sangat bermakna kepada para graduan dan ibu bapa kerana ia membuktikan bahawa para graduan telah menamatkan pengajian mereka dalam bidang masing-masing. Ia juga membuktikan segala usaha dan penat lelah para graduan sepanjang berada di institusi ini. Para graduan telah disarankan agar meningkatkan profesionalisme melalui kemahiran insaniah dan dakwah sendiri supaya graduan lebih berdaya saing memenuhi keperluan guna tenaga negara dan menyumbang kearah peningkatan dan penghayatan agama islam dalam kalangan masyarakat di Malaysia.



Datuk Haji Aidi Bin Moktar (Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah) berada di tengah, disamping Puan Hajah Fuziah Binti Salleh (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Agama), dan Datuk Mohamad Nordin Bin Ibrahim (Ketua Pengarah Jakim).



Para Graduan dan Ibu Bapa menanti upacara penganugerahan Sijil dan Diploma



Datuk Haji Aidi Bin Moktar dan Puan Hajah Fuziah Binti Salleh bergambar bersama Ahli Lembaga IPDAS.

YB HAJJAH FUZIAH, TIMBALAN MENTERI RASMI GALERI IPDAS

Pada 24/08/2019 (Sabtu), YB Hajjah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, diiringi YBhg. Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM dan YBhg. Dato' Samsuni Bin Mohd Nor, Setiausaha Persekutuan Sabah, membuat lawatan ke Galeri IPDAS dan seterusnya merasmikan Galeri IPDAS yang baharu dibuka.

Galeri ini mengumpulkan peristiwa-peristiwa bersejarah yang telah dilalui oleh IPDAS bermula pada tahun 1979 sehingga 2019. Galeri ini juga dibuka adalah untuk memudahkan pengunjung yang bertandang mengenali sejarah penubuhan dan perkembangan IPDAS.



YB Hajjah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri menandatangani perasmian Galeri IPDAS diiringi YBhg. Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM dan YBhg. Dato' Samsuni Bin Mohd Nor, Setiausaha Persekutuan Sabah



Gambar ketika YB Hajjah Fuziah Binti Salleh melawat galeri IPDAS



Sesi bergambar bersama YB Hajjah Fuziah Binti Salleh

BENGKEL IMEJ DAN IDENTITI KORPORAT

17/09/2019 (Selasa) - Bengkel Imej Dan Identiti Korporat diadakan adalah sebagai garis panduan dalam membina imej dan identiti korporat untuk memastikan setiap pelaksanaan elemen korporat IPDAS menepati piawaian yang telah ditetapkan.

Ribuan terima kasih diucapkan Kepada Cik Farhana binti Yaakub, Koordinator Komunikasi Korporat, Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, UITM Cawangan Sabah diatas segala perkongsian yang diberikan.



Sesi bergambar bersama Cik Farhana binti Yaakub,
Koordinator Komunikasi Korporat, UITM



Gambar ketika pengarah menyerahkan cenderahati kepada Cik
Farhana binti Yaakub

PEMERKASAAN PENDIDIKAN MUALLAF DI IPDAS

18/09/2019 (Rabu) - Seminar Eksekutif Pendidikan Tinggi Muallaf telah berlangsung dengan jayanya yang mana ianya telah dihadiri oleh 12 agensi agama termasuk IPTA yang menguruskan muallaf. Antara agensi terdiri daripada JHEAINS, JAKIM, dan badan- badan NGO dakwah Sabah.

Agenda Seminar adalah memaklumkan hasrat IPDAS, JAKIM untuk menjadi peneraju pendidikan tinggi muallaf bagi melengkapkan ekosistem pendidikan muallaf di Malaysia, mengumpulkan maklumbalas dari NGO yang terlibat secara langsung dengan pendidikan Muallaf , menyusun strategi amal Jamaei dengan semua rakan strategik IPDAS, merangka sistem sokongan muallaf yang mapan bagi menyokong kelangsungan Pendidikan Tinggi Muallaf serta mewujudkan kerjasama strategik dengan rakan strategik IPDAS bagi memastikan kelestarian dakwah pasca pengajian terus berkembang.

IPDAS mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg Datuk Sairin Haji Karno, ahli Lembaga IPDAS merangkap Yang diPertua USIA, Ahli -ahli Akademik, JHEAINS, JAKIM Sabah, wakil-wakil NGO yang menyumbang idea dan berkongsi pengalaman dalam membentuk pendidikan muallaf yang holistik di bumi sabah.



Sesi bergambar bersama wakil agensi agama Gambar ketika seminar sedang berlangsung

**MINI KARNIVAL SEMPENA MAJLIS GRADUASI INSTITUT
PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH KAMPUS KUDAT TAHUN
2019M/1441H**

Mini Karnival Sempena Majlis Graduasi Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Tahun 2019M/1441H telah diadakan di Perkarangan Surau Al-Hidayah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Kampus Kudat. Mini Karnival yang berlangsung selama empat hari iaitu bermula 15 November 2019 sehingga 18 November 2019 ini telah dirasmikan oleh Pengarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Tuan Haji Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik. Pelbagai aktiviti telah diadakan di dalam mini karnival ini antaranya ialah Pertandingan Tazkirah 5 Minit Spontan, Pertandingan Sukan Rahmah, Majlis Kesenian Islam, Ceramah Bomba, Mini Forum, Usrah Santai, Pameran Agensi Kerajaan dan Swasta serta pelbagai lagi aktiviti menarik yang lain.

Sebanyak 10 buah agensi yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta telah menyertai pameran yang diadakan sempena mini karnival ini antaranya adalah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Kudat, Hospital Daerah Kudat, Open Universiti Malaysia dan agensi-agensi lain. Tapak gerai jualan yang dibuka kepada peniaga tempatan juga telah menerima sambutan daripada para peniaga yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan seperti jualan makanan dan minuman, kraftangan dan cenderahati bagi memeriahkan lagi mini karnival i



Mini Forum bertajuk "Indahnya Bila Bersama Islam" dimoderatorkan oleh Pendaftar IPDAS, Ustaz Datu Mohd Sallehin bin Moksan dan panel yang terdiri daripada Ketua Penolong Pengarah Kanan Dakwah JAKIM Cawangan Sabah, Ustaz Datu Mohd Sallehin bin Moksan dan Guru Pendidikan Islam SMK Bandau Kota Marudu, Ustaz Abdul Hakim bin Abdul Aziz.



Ucapan Perasmian oleh Pengarah IPDAS, Tuan Haji Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik.

MAJLIS GRADUASI INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH KAMPUS KUDAT TAHUN 2019M/1441H

Seramai 181 orang pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID) Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Kampus Kudat telah bergraduasi dalam Majlis Graduasi Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Kampus Kudat Tahun 2019M/1441H. Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Kampus Kudat pada 18 November 2019 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah JAKIM (Pengurusan), Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM.



Turut hadir dalam majlis graduasi ini ialah Setiausaha Persekutuan Sabah, Yang Berbahagia Dato' Samsuni bin Mohd Nor, Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (Institut Profesional Baitulmal), Yang Berbahagia Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Yang Berbahagia Prof. Datin Raihanah binti Haji Abdullah, Rektor UiTM Cawangan Sabah, Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Dr. Haji Abdul Kadir bin Haji Rosline@Ruslim, Pengarah JAKIM Cawangan Sabah, Tuan Haji Norjeli bin Haji Dais dan Ahli-ahli Lembaga Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.



Saudara Shafie bin Ramlee telah menerima Anugerah Ketua Pengarah JAKIM. Penerima anugerah lain ialah Saudara Mohd. Izdiyar bin Maruji dan Saudari Nursa'adah binti Aktor telah menerima Anugerah Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Sabah serta Saudara Iskandar Dzulkarnain Fernandez bin Abdullah dan Saudari Nurshazalika binti Zail telah menerima Anugerah Pengarah IPDAS.

KEMBARA RAHMAH KETUA PENGARAH JAKIM

11-13 Oktober 2019 (Jumaat-ahad) - JAKIM Sabah dengan kerjasama JHEAINS telah mengadakan satu program Kembara Rahmah di Kudat dan Pulau Banggi bersama YBhg. Datuk Haji Mohamad Nordin Bin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM.

Program ini dianjurkan bagi memupuk dan menyuburkan lagi kasih sayang dan semangat persaudaraan sesama insan, membantu mengukuhkan kefahaman syariah Islamiah dikalangan masyarakat di kepulauan negeri Sabah sekaligus memantapkan kerjasama yang telah lama wujud antara agensi agama menerusi kerjasama dan perkongsian pintar agar usaha dakwah lebih berkesan.



Gambar ketika dalam perjalanan ke pulau banggi, kudat



Gambar ketika bersua dengan penduduk di Pulau Banggi, Kudat

**KUNJUNG HORMAT KE AKADEMI AL-QURAN (AL-QALAM), INSTITUT
PENGAJIAN AL-QURAN (IPAQ), PETALING JAYA**

26/02/2019 (Selasa) - Kunjung Hormat YBhg. Ustaz Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik, Pengarah IPDAS ke Akademi al-Quran (al-Qalam), Institut Pengajian al-Quran (IPAQ), Petaling Jaya.

Tujuan kunjungan ini untuk menjalin kerjasama strategik di antara IPDAS dengan IPAQ sebagai platform perkongsian pintar dalam memastikan agar lebih ramai celik al-Quran dapat dilahirkan di Sabah khususnya di IPDAS



Sesi bergambar bersama pengarah IPAQ



Gambar penyerahan cenderahati dari IPAQ

KUNJUNG HORMAT IPDAS KE PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (PUSBA).

20 Mac 2019 PUSBA telah ditubuhkan pada 8 Mac 1998 pada awalnya beroperasi di Masjid Sultan Mu'adzam Shah, kini tersergam hebat dengan latihan dan pendidikan kepada para muallaf melalui kursus asas kefahaman Islam selama 4 bulan dan kelas- kelas bimbingan di daerah daerah sekitar Kedah.

Sumbangan PUSBA dalam pendidikan Muallaf di Kedah memang tidak dapat disangkal & kini terkenal dan dikenali di Malaysia. Oleh itu, IPDAS mengambil inisiatif untuk turun belajar, mengadakan benchmarking dan hubungan strategik dengan institusi yang selari dengan visi misi IPDAS sebagai peneraju pendidikan tinggi Islam.

Ribuan terima kasih di atas layanan mesra dan terpuji. Semoga hubungan ini sentiasa tekal dan diperkasa dengan agenda- agenda pendidikan yang lebih terarah dan berstrategik.



Sesi bergambar bersama sebahagian kakitangan PUSBA



Gambar ketika Pengarah IPDAS menyampaikan cenderahati kepada PUSBA



Gambar ketika berada di dalam bilik mesyuarat PUSBA



KUNJUNG HORMAT PENGARAH IPDAS BERTEMU YANG DIPERTUA MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH

21 Mei 2019 (Selasa) - IPDAS berkunjung dan bersilaturrahim dengan YDP MUIS, YBhg. Datuk Dr Haji Hasbullah Haji Mohd Taha. Kehadiran rombongan IPDAS yang diketuai oleh Pengarah IPDAS, bertujuan untuk menyampaikan keputusan-keputusan penting Mesyuarat Lembaga IPDAS Kali Ke-2 Tahun 2019, di samping menjalin kerjasama dalam penganjuran Round Table Discussion Pemberi Pendidikan Tinggi Muallaf Peringkat Negeri Sabah yang dicadangkan pada akhir bulan Jun 2019.



Gambar bersama YDP MUIS, YBhg. Datuk Dr Haji Hasbullah Haji Mohd Taha



Gambar ketika perbincangan dengan YDP MUIS sedang berlangsung

KUNJUNGAN RAMAH MESRA PENGARAH BERTEMU KETUA KAMPUNG MENAWO LAUT

Pada 14/08/2019 (Rabu) IPDAS telah mengadakan Kunjungan Ramah Mesra kepada Ketua Kampung Menawo Laut, Tuan Thadeus Sibir, yang bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim antara IPDAS dan penduduk kampung di samping menyampaikan penghargaan atas bantuan serta penglibatan penduduk dalam program-program yang dianjurkan di IPDAS.

Selain itu, kunjungan ini juga adalah untuk menjemput Ketua Kampung ke Majlis Istiadat Konvokesyen IPDAS yang berlangsung pada 24 Ogos 2019 (Sabtu).



Sesi bergambar bersama Ketua Kampung Menawo Laut, Tuan Thadeus Sibir





Ketika melawat kawasan kolam D'Piging Kampung Menawo Laut



Pengarah IPDAS menyampaikan buah tangan kepada Ketua Kampung Menawo Laut

KUNJUNGAN RAMAH MESRA PENGARAH BERTEMU KETUA KAMPUNG MINAWO ULU

Pada 14/08/2020 (Rabu), IPDAS berkunjung dan beramah mesra dengan Tuan Jairy bin Isin, Ketua Kampung Minawo Ulu. IPDAS mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ketua dan penduduk kampung Minawo Ulu yang telah bekerjasama dalam pelbagai aktiviti seperti Minggu Mahabbah Mahasiswa IPDAS, program Iftar di bulan Ramadhan dan program-program kemasyarakatan yang dianjurkan bersama.

Selain itu, kunjungan ini juga diadakan adalah untuk menjemput dan mengalu-alu kehadiran semua penduduk dan Ketua Kampung Minawo Ulu untuk bersama-sama memeriahkan lagi Karnival dan Majlis Istiadat Konvokesyen IPDAS pada 24/08/2019 (Sabtu).



Gambar ketika pengarah menyampaikan buah tangan kepada ketua kampung menawo ulu



Gambar ketika berbual bersama Ketua Kampung Menawo Ulu



Gambar ketika beramah mesra dengan ahli keluarga Ketua Kampung Menawo Ulu

KUNJUNG HORMAT PENGARAH BERTEMU PEGAWAI DAERAH KENINGAU YANG BAHARU

19/08/2019 (Isnin) YBhg. Haji Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Pengarah IPDAS diiringi YBrs. Dr. Baharudin bin Othman, Timbalan Pengarah Akademik dan Datu Mohd Sallehin bin Moksan, Pendaftar IPDAS berjumpa dengan YBhg. Tuan Hassan bin Mahali, Pegawai Daerah Keningau yang baharu.

Tujuan kunjungan ini adalah untuk memaklumkan Visi, Misi dan Perancangan Hala Tuju IPDAS di samping menyampaikan makluman bahawa YBhg. Pegawai Daerah Keningau merupakan Pengerusi bersama untuk Majlis Istiadat Konvokesyen IPDAS yang bakal berlangsung pada 24 Ogos 2019 (Sabtu).



Gambar ketika perbincangan bersama YBhg. Tuan Hassan bin Mahali, Pegawai Daerah Keningau yang baharu.



Gambar pengarah menyerahkan sedikit cenderahati kepada YBhg. Tuan Hassan bin Mahali

KUNJUNG HORMAT PENGARAH IPDAS BERTEMU MUFTI SABAH

11 Sept 2019 (Rabu). Kunjung Hormat delegasi IPDAS ke Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sabah bertemu dengan Sohibus Samahah, YBhg. Datuk Bungsu @ Aziz bin Jaafar, Mufti Kerajaan Negeri Sabah. Kunjungan ini diketuai oleh Pengarah IPDAS Tuan Haji Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik dan diiringi oleh Ustaz Datu Mohd Sallehin Moksan (Pendaftar IPDAS), Ustaz Mohd Shalahudin bin Ismail (Pen. Pengarah Pembangunan Kurikulum), Ustazah Khadijah Radzuan (Pen. Pengarah Pengurusan Akademik) dan Ustazah Siti Norhafizah bte Rahmat (Pen. Pengarah Komunikasi Strategik dan Pengantarabangsaan)

Pertemuan dengan YBhg. Datuk adalah satu perbincangan dan langkah awal untuk mewujudkan program baharu iaitu Dakwah Kontemporari khususnya kepada anak-anak tempatan negeri Sabah.

Tambahan pula, matlamat utama pembentukan program ini adalah untuk melahirkan pendakwah profesional agar dakwah sampai kepada sasaran dengan tepat, sempurna dan berterusan kepada masyarakat setempat.



Sesi bergambar bersama Mufti Sabah



Gambar perbincangan bersama Mufti



Gambar ketika penyerahan cenderahati kepada Mufti Sabah

KUNJUNG HORMAT HIDAYAH CENTRE KE IPDAS

11 November 2019 (Isnin) - IPDAS telah dikunjungi oleh Barisan Kepimpinan Hidayah Centre Sabah iaitu Tuan Joannes Lukas, Pengurus Hidayah Centre Sabah, Puan Noraidah Dumatin, Pengurus Hidayah Centre Keningau dan beberapa pegawai dari Hidayah Centre.

Tujuan kunjungan hormat ini antara lain untuk merapatkan ukhuwah dalam merencanakan aktiviti Dakwah Islamiyyah secara bersama, sama ada dalam bentuk pendidikan mahupun penganjuran program di Negeri Sabah amnya dan di Keningau khususnya. InsyaAllah, satu program kerjasama sedang dirangka untuk para pelajar dan masyarakat awam dan mudah-mudahan program ini memberi manfaat kepada pelajar-pelajar dan masyarakat di Keningau.



Sesi bergambar bersama Barisan Kepimpinan Hidayah Centre Sabah



Gambar ketika perbincangan bersama Hidayah Centre berlangsung

KUNJUNG HORMAT IPDAS BERJUMPA PENGARAH POLITEKNIK TAWAU SABAH

03 Disember 2019 (Selasa)- YBhg. Tuan Pengarah IPDAS, Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik bersama beberapa orang Pegawai Kanan IPDAS telah mengadakan satu kunjung hormat berjumpa YBhg. Tuan Pengarah Politeknik Tawau Sabah, Haji Ulaimi Bin Yahya.

Lawatan ini bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dan hubungan strategik untuk memastikan kesinambungan pendidikan tinggi di Sabah.



Gambar Pengarah Politeknik Tawau Memberikan Cenderahati




Sesi bergambar bersama Pengarah Politeknik Tawau



LAPORAN PRESTASI

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

TAHUN 2019



274 PROGRAM telah dilaksanakan
daripada 298 program, dengan peratus pelaksanaan
91.9%





LAPORAN PRESTASI 2019

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





إِنسْتَدِينُوا قَعَا جِبْرَائِيلَ رَازِدَعُو لَسْبَابِهِ

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

KM6, Kg. Menawo, Beg berkunci 12

89009, KENINGAU SABAH

No. Telefon : 087-331868

No. Faks : 087-336087



LAPORAN TAHUNAN 2019



www.ipdas.edu.my

إِنسْتِيتُوتُ افْتَحَاخِرِ اِسْلَامِ دَاوَدِ عَوَا مِيَانِيَا

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA